

30/01/2001

Mahkamah Persekutuan dengar permohonan Anwar 19 Februari

KUALA LUMPUR, Isnin - Mahkamah Persekutuan akan mendengar permohonan mendapat kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan saman malu Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed pada 19 Februari depan.

Mahkamah Tinggi pada 30 Ogos 1999 membatalkan samannya terhadap Dr Mahathir dengan alasan saman berkenaan remeh, menyakitkan hati serta melanggar proses mahkamah.

Pada 9 Disember tahun lalu, tiga panel hakim yang diketuai Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim sebulat suara menolak rayuan Anwar terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan saman terbabit, dengan kos.

Anwar, 53, merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Dr R K Nathan membatalkan saman malu itu selepas membenarkan permohonan Dr Mahathir untuk membatalkannya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu memfailkan samannya pada 25 Januari tahun lalu dengan mendakwa Dr Mahathir secara palsu dan dengan niat jahat bercakap kepada pemberita tempatan dan asing pada sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri menuduh beliau melakukan perbuatan tidak bermoral.

Anwar mendakwa, Dr Mahathir menuturkan perkataan itu dengan pengetahuan ia akan diterbitkan di dalam dan luar negara.

(END)